

43

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR

TARIKH : 14 MAC 2018

SOALAN : NO. 25

Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan :-

(a) senarai jumlah pesakit mengikut umur dan bangsa di PPUM dari tahun 2014 hingga 2017; dan

(b) perancangan untuk menambah dana dan peruntukan terutamanya bagi menampung perbelanjaan penyelidikan oleh hospital kekurangan doktor pakar seperti PPUM.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat peningkatan sebanyak 4.09 peratus dari 1,034,937 orang pesakit pada tahun 2014 kepada 1,079,071 orang pesakit pada tahun 2017 yang mendapatkan rawatan di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM). Secara majoriti, pesakit yang menerima rawatan di PPUM adalah berumur di antara 60 hingga 75 tahun dengan purata pesakit berumur 49 tahun. Warganegara Malaysia merupakan pesakit yang paling ramai menerima rawatan di PPUM iaitu peningkatan sebanyak 4.26 peratus dari 995,144 orang pada tahun 2014 kepada 1,037,515 orang pada tahun 2017. Bilangan warga asing pula menunjukkan penurunan sebanyak 1.43 peratus dari 18,244 orang pada tahun 2014 kepada 17,983 orang pada tahun 2017.

(b) Kerajaan membiayai sebahagian perbelanjaan penyelidikan di Hospital Pengajar Universiti (HPU) melalui geran penyelidikan yang disalurkan oleh pelbagai Kementerian seperti Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan juga Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). Sebagai tambahan, pada Bajet 2018 sebanyak RM400 juta telah diperuntukkan untuk geran penyelidikan dan pembangunan kepada Institusi Pendidikan Tinggi Awam, berbanding RM 235 juta pada tahun 2017. Peruntukan khas turut diumumkan untuk diberikan kepada Universiti Malaya untuk menjalankan aktiviti-aktiviti bagi mencapai status "*Top 100 Universities in the World*".

HPU turut mengatur dan melaksanakan beberapa strategi bagi melestarikan kebolehmampuan HPU dalam menjana pendapatan sendiri antaranya melalui strategi penubuhan jabatan khusus bertujuan menjalankan aktiviti perniagaan, pengoptimuman sumber dan aset sedia ada seperti sewaan ruang dan penubuhan anak syarikat yang mempergiatkan aktiviti perniagaan selain perkhidmatan kesihatan. Di samping itu, HPU turut mempergiatkan usaha pengkomersialan hasil penyelidikan bersama kolaborasi syarikat swasta serta mempergiatkan aktiviti peningkatan dana melalui program *endowment* dan sumbangan.

Di samping itu, penubuhan Konsortium Hospital Universiti Awam Malaysia yang terdiri daripada kelima-lima HPU juga akan menjadi platform kepada pengurangan kos pembelian ubat-ubatan dan peralatan perubatan, mobiliti pakar perubatan, peningkatan kolaborasi hasil penyelidikan dan inovasi serta penjanaan pendapatan melalui aktiviti perlindungan insurans kesihatan atau pelancongan kesihatan.